

**D.R. 10/2021**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2021.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam takrif “exploitation”, dengan menggantikan perkataan “means” dengan perkataan “includes”;

- (b) dengan memotong takrif “paksaan”;
- (c) dalam takrif “pegawai penguat kuasa”, dengan menggantikan perkataan “seksyen 27” dengan perkataan “subseksyen 27(1) atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah subseksyen 27(1A)”;
- (d) dengan menggantikan takrif “pemerdagangan orang” dengan takrif yang berikut:

‘ “pemerdagangan orang” ertinya segala perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, memperoleh, mengekalkan, melindungi, menyediakan atau menerima, seseorang, bagi maksud eksploitasi, dengan cara yang berikut:

- (a) ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain;
- (b) pemelarian;
- (c) fraud;
- (d) perdayaan;
- (e) penyalahgunaan kuasa;
- (f) penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan pemerdagangan orang; atau
- (g) pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan.”.

### **Pindaan seksyen 6**

#### **3. Subseksyen 6(2) Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (n), dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “lima”;
- (b) dalam perenggan (o), dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “tiga”.

## **Pindaan seksyen 12**

### **4. Sekyen 12 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “seorang kanak-kanak” dengan perkataan “seorang kanak-kanak atau yang bukan seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental”;
- (b) dengan memotong perkataan “bagi maksud eksploitasi,”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “lima belas tahun” dengan perkataan “dua puluh tahun”.

## **Penggantian seksyen 13**

### **5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:**

#### **“Kesalahan pemerdagangan orang yang lebih berat**

**13.** Mana-mana orang yang melakukan kesalahan pemerdagangan orang, jika orang yang diperdagangkan itu bukan merupakan seorang kanak-kanak atau bukan seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental yang mana-mana berikut terpakai baginya:

- (a) dalam melakukan kesalahan itu, orang itu telah menyebabkan kecederaan parah kepada orang yang diperdagangkan itu atau kepada mana-mana orang lain;
- (b) dalam melakukan kesalahan itu, orang itu telah menyebabkan kematian kepada orang yang diperdagangkan itu atau kepada mana-mana orang lain;

- (c) dalam melakukan kesalahan itu, disebabkan oleh atau pada masa orang itu diperdagangkan, orang yang diperdagangkan itu membunuh diri;
- (d) dalam melakukan kesalahan itu, orang itu mendedahkan orang yang diperdagangkan itu kepada penyakit yang mengancam nyawa, termasuk virus kurang daya tahan manusia (HIV) dan sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS);
- (e) dalam melakukan kesalahan itu, orang itu melibatkan diri dalam aktiviti pemerdagangan orang sebagai sebahagian daripada aktiviti kumpulan jenayah terancang; atau
- (f) jika kesalahan memperdagangkan orang itu dilakukan oleh seorang pegawai awam dalam melaksanakan kewajipan awamnya,

hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.”.

## **Pindaan seksyen 14**

### **6. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan **“kanak-kanak”** perkataan **“atau seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental”**;
- (b) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (c) dalam subseksyen (1) yang dinomborkan semula—
  - (i) dengan menggantikan perkataan **“seorang kanak-kanak”** dengan perkataan **“seorang kanak-kanak atau seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental”**;

- (ii) dengan memotong perkataan “bagi maksud eksploitasi,”; dan
  - (iii) dengan menggantikan perkataan “pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda” dengan perkataan “pemenjaraan seumur hidup atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Dalam suatu pendakwaan bagi kesalahan di bawah seksyen ini, cara yang digunakan terhadap orang yang diperdagangkan yang merupakan seorang kanak-kanak atau seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental adalah tidak relevan dan bukanlah menjadi satu kehendak untuk dibuktikan.”.

### **Pindaan seksyen 15A**

7. Seksyen 15A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tujuh tahun” dengan perkataan “lima belas tahun”.

### **Pindaan seksyen 19**

8. Seksyen 19 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sepuluh tahun” dengan perkataan “lima belas tahun”.

### **Pindaan seksyen 26A**

9. Seksyen 26A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima belas tahun” dengan perkataan “dua puluh tahun”.

**Pindaan seksyen 26B****10. Seksyen 26B Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “menjalankan” dengan perkataan “melakukan”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (c) dalam perenggan (c), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”;
- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
  - “(d) jika kesalahan penyeludupan migran itu dilakukan oleh seorang pegawai awam dalam melaksanakan kewajipan awamnya,”; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan “pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya” dengan perkataan “pemenjaraan seumur hidup atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat”.

**Pindaan seksyen 26c****11. Seksyen 26C Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tujuh tahun” dengan perkataan “lima belas tahun”.****Pindaan seksyen 27****12. Seksyen 27 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:**

“(1A) Menteri bolehlah, selepas berunding dengan mana-mana Menteri berkaitan lain, melantik mana-mana pegawai awam sebagaimana yang difikirkan perlu sebagai pegawai

penguat kuasa bagi maksud Akta ini dan pegawai awam itu yang dilantik sedemikian bolehlah menjalankan segala kuasa penguatkuasaan.

(1B) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1A) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.”.

### **Pindaan seksyen 42**

**13.** Seksyen 42 Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengurusan, pentadbiran dan kawalan ke atas tempat perlindungan yang diisytiharkan di bawah subseksyen (1), orang yang diperdagangkan di tempat perlindungan itu dan Pegawai Pelindung yang dilantik di bawah seksyen 43.

(4) Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat boleh memberikan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus bagi maksud yang disebut dalam subseksyen (3).”.

### **Pindaan seksyen 43**

**14.** Seksyen 43 Akta ini dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Pegawai Kebajikan Masyarakat atau mana-mana pegawai awam lain” dengan perkataan “Pegawai Kebajikan Masyarakat, mana-mana pegawai awam lain atau mana-mana orang lain”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (1A).

### **Pindaan seksyen 51**

**15.** Subseksyen 51(5) Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 52” perkataan “, perakaman deposisi bagi maksud seksyen 61A”.

**Pindaan seksyen 54**

**16.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 54(3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Walau apa pun subseksyen (1), mahkamah boleh, atas suatu permohonan yang dibuat oleh Pegawai Pelindung atau pegawai penguat kuasa, dan setelah berpuas hati bahawa orang yang diperdagangkan itu memerlukan jagaan dan perlindungan lanjut atas sebab yang munasabah atau bagi maksud pengurusan penghantaran pulang, membuat perintah supaya orang yang diperdagangkan itu ditempatkan di tempat perlindungan bagi apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majistret.”.

**Pindaan seksyen 57**

**17.** Seksyen 57 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Menteri boleh,” perkataan “selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat,”.

**Pindaan seksyen 66**

**18.** Subseksyen 66(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (f).

**Kecualian**

**19.** (1) Walau apa pun peruntukan Akta ini, anggota Majlis yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 6(2)(n) dan (o) sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus memegang jawatan sehingga pelantikannya dibatalkan atau sehingga tempoh pelantikannya tamat.

(2) Semua arahan, perisytiharan, Perintah Perlindungan dan perintah perlindungan interim yang dibuat, dikeluarkan atau diberikan di bawah Akta ibu hendaklah, setakat yang arahan, perisytiharan, Perintah Perlindungan dan perintah perlindungan



interim itu adalah selaras dengan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini, terus berkuat kuasa sehingga arahan, perisytiharan, Perintah Perlindungan dan perintah perlindungan interim itu dibatalkan atau dipinda.

(3) Apa-apa siasatan, perakaman deposisi, perbicaraan atau prosiding yang telah dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Akta ibu sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah diuruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (“Akta 670”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memastikan Akta 670 selaras dengan kehendak yang dinyatakan dalam Protokol Palermo dan *ASEAN Convention Against Trafficking in Persons, Especially Women and Children* (“ACTIP”) yang berhubungan dengan antipemerdagangan orang.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 670. *Subfasal 2(a)* bertujuan untuk meminda takrif “exploitation” dalam teks bahasa Inggeris untuk menjadikannya selaras dengan teks bahasa kebangsaan. *Subfasal 2(b)* bertujuan untuk memotong takrif “paksaan”. *Subfasal 2(c)* bertujuan untuk meminda takrif “pegawai penguat kuasa” untuk memasukkan mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah subseksyen 27(1A) yang dicadangkan. *Subfasal 2(d)* bertujuan untuk menggantikan takrif “pemerdagangan orang” dengan takrif yang baharu ke dalam seksyen 2 Akta 670.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda perenggan 6(2)(n) dan (o) Akta 670 masing-masing untuk menaikkan bilangan anggota Majlis daripada pertubuhan bukan kerajaan atau organisasi lain yang berkaitan yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam masalah dan tentang isu yang berhubungan dengan pemerdagangan orang termasuk perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan, yang dilantik oleh Menteri daripada tidak lebih daripada tiga orang anggota kepada tidak lebih daripada lima orang anggota, dan untuk menaikkan bilangan anggota daripada pertubuhan bukan kerajaan atau organisasi lain yang berkaitan yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam masalah dan isu yang berhubungan dengan penyeludupan migran, yang dilantik oleh Menteri daripada tidak lebih daripada dua orang anggota kepada tidak lebih daripada tiga orang anggota.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 670 bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang memperdagangkan orang, yang bukan merupakan seorang kanak-kanak atau yang bukan seseorang yang tidak dapat menjaga

atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental, melakukan suatu kesalahan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menaikkan hukuman pemenjaraan daripada tempoh tidak melebihi lima belas tahun kepada tempoh tidak melebihi dua puluh tahun.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 670 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang yang lebih berat jika orang yang diperdagangkan itu bukan merupakan seorang kanak-kanak atau yang bukan seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa hukuman bagi kesalahan pemerdagangan orang yang lebih berat itu ialah pemenjaraan seumur hidup atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 670 bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang merupakan seorang kanak-kanak atau seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental melakukan suatu kesalahan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menaikkan hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan bagi kesalahan itu. Selanjutnya, *fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa cara yang digunakan terhadap orang yang diperdagangkan yang merupakan seorang kanak-kanak atau seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental adalah tidak relevan dan bukanlah satu kehendak untuk dibuktikan dalam suatu pendakwaan bagi kesalahan di bawah seksyen 14 Akta 670.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 15A Akta 670 untuk menaikkan hukuman pemenjaraan bagi kesalahan yang berhubungan dengan membawa dalam transit orang yang diperdagangkan melalui Malaysia melalui darat, laut atau udara, atau selainnya mengaturkan atau memudahkan perbuatan itu, daripada tempoh tidak melebihi tujuh tahun kepada tempoh tidak melebihi lima belas tahun.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 670 untuk menaikkan hukuman pemenjaraan bagi kesalahan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang dengan diketahuinya merekrut, atau bersetuju untuk merekrut, orang lain untuk menyertai pelakuan suatu perbuatan pemerdagangan orang, daripada tempoh tidak melebihi sepuluh tahun kepada tempoh tidak melebihi lima belas tahun.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 26A Akta 670 untuk menaikkan hukuman bagi kesalahan penyeludupan migran, daripada tempoh tidak melebihi lima belas tahun kepada tempoh tidak melebihi dua puluh tahun.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 26B Akta 670 bagi memperuntukkan bahawa seorang pegawai awam yang melakukan kesalahan penyeludupan migran dalam melaksanakan kewajipan awamnya melakukan kesalahan penyeludupan migran yang lebih berat. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menaikkan hukuman bagi melakukan kesalahan penyeludupan migran

yang lebih berat daripada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya kepada hukuman pemenjaraan seumur hidup atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 26c Akta 670 untuk menaikkan hukuman pemenjaraan bagi kesalahan yang berhubungan dengan membawa dalam transit seorang migran yang diseludup menerusi Malaysia melalui darat, laut atau udara atau selainnya mengaturkan atau memudahkan perbuatan itu, daripada tempoh tidak melebihi tujuh tahun kepada tempoh tidak melebihi lima belas tahun.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 27(1A) dan (1B) ke dalam Akta 670 untuk memperuntukkan bahawa Menteri bolehlah, selepas berunding dengan mana-mana Menteri berkaitan lain, melantik mana-mana pegawai awam sebagaimana yang difikirkan perlu sebagai pegawai penguat kuasa bagi maksud Akta 670 dan pegawai awam itu yang dilantik sedemikian bolehlah menjalankan segala kuasa penguatkuasaan dan tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen 27(1A) yang dicadangkan hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 42(3) dan (4) ke dalam Akta 670 untuk memperuntukkan bahawa Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengurusan, pentadbiran dan kawalan ke atas tempat perlindungan yang diisytiharkan di bawah subseksyen 42(1) Akta 670, orang yang diperdagangkan di tempat perlindungan itu dan Pegawai Pelindung yang dilantik di bawah seksyen 43 Akta 670. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat boleh memberikan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus bagi maksud yang disebut dalam subseksyen 42(3) yang dicadangkan.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 43(1) Akta 670 untuk memperuntukkan bahawa selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat, Menteri boleh juga melantik mana-mana orang lain untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan kewajipan seorang Pegawai Pelindung di bawah Akta 670 tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memotong subseksyen 43(1A) Akta 670.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda subseksyen 51(5) Akta 670 untuk memperuntukkan bahawa jika orang yang diperdagangkan itu ialah seorang warganegara asing, suatu pelanjutan Perintah Perlindungan boleh diberikan bagi maksud perakaman deposisi di bawah seksyen 61A Akta 670.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda subseksyen 54(3) Akta 670 untuk memperuntukkan bahawa mahkamah boleh, atas suatu permohonan yang dibuat oleh Pegawai Pelindung atau pegawai penguat kuasa, setelah berpuas hati bahawa orang yang diperdagangkan itu memerlukan jagaan dan perlindungan

lanjut atas sebab yang munasabah atau bagi maksud pengurusan penghantaran pulang, membuat perintah supaya orang yang diperdagangkan itu ditempatkan di tempat perlindungan bagi apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majistret.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 57 Akta 670 untuk memperuntukkan bahawa selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat, Menteri boleh, pada bila-bila masa, atas sebab yang pada hematnya mencukupi, dengan perintah secara bertulis mengarahkan pemindahan mana-mana orang yang diperdagangkan dari suatu tempat perlindungan ke mana-mana tempat perlindungan yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk memotong perenggan 66(2)(f) Akta 670. Pemotongan perenggan 66(2)(f) Akta 670 berbangkit daripada pindaan seksyen 42 Akta 670 dalam *fasal 13* yang Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat boleh memberikan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengurusan, pentadbiran dan kawalan ke atas tempat perlindungan yang diisytiharkan di bawah subseksyen 42(1) Akta 670, orang yang diperdagangkan di tempat perlindungan itu dan Pegawai Pelindung yang dilantik di bawah seksyen 43 Akta 670.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peruntukan kecualian.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3221]